

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : PUSAT KONVENSYEN PUTRAJAYA**  
**Tarikh : 18 OKTOBER 20030**  
**Tajuk : UCAPAN SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM PERHARGAAN OLEH**  
**YAB PERDANA MENTERI KEPADA PETUGAS-PETUGAS OIC**

Yang Amat Berhormat, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia,  
dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali,

Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, TPM

Tan Sri / Dato Seri / Datuk / Datin /Dif-dif Kehormat / Tuan-tuan dan Puan-puan yang  
dihormati sekalian,

Assalamualaikum,

1. Saya amat bersyukur bahawa kita semua dapat berkumpul bersama pada malam ini untuk majlis Makan Malam Penghargaan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang kita semua kasihi dan sanjung, sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada tuan dan puan – puan.

2. Pertama sekali, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang dapat hadir pada malam ini. Saya juga merasa amat bangga terhadap pengorbanan dan semangat tuan-tuan dan puan-puan sekalian sejak beberapa bulan yang lalu dalam persiapan kita menghadapi Persidangan Sidang Kemuncak OIC yang Ke-10 Pengorbanan anda dari segi masa dan tenaga adalah dirasai dan dihargai. Perkhidmatan yang telah diberikan oleh anda semua merupakan satu usaha yang penting dan bersejarah – untuk negara, dan adalah diharapkan bahawa ianya juga merupakan suatu usaha yang penting dan bersejarah untuk diri anda sendiri. Sungguhpun begitu, adalah penting juga untuk anda berasa bangga dan berpuas hati dengan usaha yang telah diberikan ini.

3. Persidangan Sidang Kemuncak OIC yang Ke-10 telah berlangsung dengan jayanya. Sepanjang Persidangan OIC ini, tetamu-tetamu daripada luar negara – daripada negara-negara yang kaya raya hingga ke negara-negara yang miskin tidak henti-henti dengan kepujiaan mereka terhadap negara kita. Mereka datang ke sini dan mereka telah melihat sebuah negara yang semakin maju, moden, dan progresif, yang juga berpegang kuat terhadap agama, tradisi dan sejarahnya. Mereka juga telah menganggap Malaysia sebagai negara contoh, sebuah negara Islam yang mampu bersaing setanding dengan negara-negara barat dan negara-negara bukan Islam yang lain. Kita mampu bersaing tanpa mengkompromi maruah negara.

4. Ini semua merupakan hasil daripada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Izinkanlah saya berkata Dato Seri, anda telah memimpin, melatih, dan mendidik kita semua dengan amat baik sekali.

5. Walaupun majlis makan–malam ini merupakan majlis penghargaan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita semua, majlis ini juga merupakan sebuah majlis penghargaan daripada kita kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri. Dengan kepimpinan yang telah diberikan oleh beliau selama 22 tahun ini, kita semua sebagai individu, dan sebagai satu masyarakat negara yang diberkati dan indah ini, amat terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat kita kasihi.

6. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya membaca sebuah sajak yang saya cipta khusus untuk Yang Amat Berhormat Dato Seri:

### **KAU PEMIMPIN**

Kau membakar ubur perjuangan,  
Wadah suci jati diri,  
Kau mahu merombak  
Meneroka perubahan  
Cita-cita mu mahu mengangkat martabat bangsa dari dihina

Kau mahu membentuk bangsa-mu  
Melalui wawasan cita-cita tinggi  
Kau mencetuskan Malaysia boleh  
Boleh merentas sempadan darat lembah gunung dan lautan luas

Ancaman serta cabaran kau hadapi  
Seperti ombak dan badai membelasah pantai  
Kau tetap tabah menghadapi rintangan  
Kau pupuk semangat berani dan tegas

Malaysia boleh  
Dari idealisma kau rencana wawasan  
Di atas asas bangsa Malaysia maju dan jaya  
Mahu dinobat bangsa bertakhta

Tidak merendah tanpa sebab  
Berani bersuara di rata-rata  
Kau menyebabkan terukirnya nama Malaysia  
Tidak terpinggir diperkecilkan lagi

Kau suara nurani  
Mereka yang tertindas dan dizalimi  
Kau mengegarkan dunia dengan suara  
Tajam lidahmu menikam pemikiran

Kaulah ilham harapan yang tertindas  
Kau mahu tinggalkan bangsa bebas dari dijajah  
Kau mahu ubur luhur terus menyemarak  
Mengangkat agama bangsa dan negara dimercu tinggi

Sudah kau tentukan warisan berpedoman  
Kau tinggalkan permata bercahaya  
Kau serahkan bendera untuk dikibarkan  
Menjadi tanda perjuangan berterusan  
Meneruskan perjuangan yang perlu diselesaikan

Terima Kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu.